

09/02/1998

Umno Kelantan akui kempen penerangan lemah

KOTA BHARU, Ahad -Umno Kelantan mengakui gerakan penerangannya di negeri ini lemah dan terjejas selepas memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak, Ogos lalu.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata pihaknya menganggap perkara itu serius dan ia sudah dibincangkan dalam mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri, baru-baru ini.

Sehubungan itu, Umno Kelantan mahu gerakan penerangan parti dipertingkatkan mulai sekarang bagi membolehkan rakyat peringkat akar umbi mendapat mesej sebenar mengenai perjuangan parti.

"Isu kelemahan gerakan penerangan Umno Kelantan antara perkara yang sudah dibincang dalam mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri dan kita menerima hakikat itu.

"Kita berpendapat gerakan penerangan mesti dipertingkatkan mulai sekarang dan melaksanakannya secara bersungguh-sungguh," katanya di sini hari ini.

Difahamkan isu kelemahan gerakan penerangan itu timbul berikutan tumpuan kebanyakan bahagian Umno di negeri ini untuk urusan pertandingan peringkat cawangan dan bahagian tidak lama lagi.

Keadaan itu menyebabkan jentera parti di peringkat negeri tidak begitu berkesan kerana tumpuan diberi untuk menyelesaikan masalah di bahagian masing-masing walaupun Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mengeluarkan arahan supaya jawatan Ketua Bahagian tidak dipertandingkan.

Annuar yang juya Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata Umno negeri juga mengarahkan jentera pilihan raya di semua peringkat diperkemas dengan menggerakkan sepenuhnya 16 portfolio jentera pilihan raya yang baru disusun.

Bagi tujuan itu, jawatakuasa pilihan raya Parlimen diminta menjalankan kursus dan latihan berkaitan dengan portfolio terbabit sehingga ke peringkat persiapan peti undi.

"Kita mesti memperkemas jentera pilihan raya mulai sekarang agar persiapan menghadapi pilihan raya berada dalam keadaan tersusun," katanya.

Menurutnya, Umno perlu menang pada pilihan raya umum akan datang selaras matlamat parti seperti dinyatakan dalam konvensyen Umno negeri September lalu, untuk kembali merampas Kelantan menerusi 'Deklarasi Semerak'.

"Ini kerana rakyat tidak sanggup berada lebih lama lagi di bawah pemerintahan Pas dan Umno terus menjadi pembangkang di Kelantan.

"Sebenarnya, peluang Umno dan BN memenangi pilihan raya umum akan datang di negeri ini amat cerah apabila pembubaran Parti Melayu Semangat 46 (S46) dengan seluruh ahlinya kembali menyertai Umno," katanya.

Mengenai daftar pemilih, Annuar berkata daftar pemilih akan dibuka sekali lagi esok. Seluruh cawangan Umno diarah menjalankan gerakan pendaftaran pemilih bagi memastikan ahli Umno yang cukup umur mendaftar.

(END)